



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### WILAYAH INTERNATIONAL MOTOFEST BERJAYA HIMPUNKAN 15,000 PENUNGGANG MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI

**KUALA LUMPUR, 24 Februari** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan program Wilayah International Motofest yang disertai seramai 15,000 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang melibatkan 200 buah kelab motosikal di Dataran Merdeka hari ini.

Program bertaraf antarabangsa yang julung kalinya diadakan ini telah berjaya melibatkan penyertaan daripada peserta antarabangsa seperti dari negara Indonesia, Thailand, Singapura, Cambodia dan Brunei. Tujuan program ini dianjurkan adalah bagi mengumpulkan penunggang-penunggang motosikal berkuasa tinggi melalui kelab-kelab permotoran di peringkat ASEAN untuk saling bertukar pendapat serta berkongsi pengalaman dalam industri permotoran sekaligus turut mempromosi industri pelancongan di Kuala Lumpur.

Sebanyak 70 kelab permotoran turut membuka *booth* pameran bagi berkongsi maklumat mengenai gaya hidup permotoran yang sihat serta pameran motosikal yang telah dibuat pembinaan dan pengubahsuaian daripada pakar-pakar pengubahsuaian motosikal.

Agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), Ikatan Relawan Malaysia (RELA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) turut terlibat di dalam pameran bagi memberi maklumat kepada

orang ramai serta mewujudkan kesedaran tentang keselamatan menunggang motosikal berkuasa besar di jalan raya.

Program ini dianjurkan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017) yang diadakan selama tiga (3) hari dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kelab Sukan DBKL. Melalui kerjasama penganjuran program ini, Kementerian dapat melaksanakan penjimatan kos penganjuran sekaligus menyahut seruan Kerajaan untuk mengoptimalkan perbelanjaan dalam penganjuran program.

Kementerian berharap melalui penganjuran program seperti ini dapat memupuk semangat muhibbah dan perpaduan dalam kalangan rakyat juga melibatkan negara jiran melalui penyatuan minat menunggang motosikal berkuasa besar. Jalinan ukhwan yang diterapkan dalam perhimpunan ini juga boleh memacu kestabilan sosial melalui pengisian aktiviti sukan serta riadah melibatkan penyertaan pelbagai peringkat umur dan generasi. Program ini amat bertepatan dengan tema SHWP 2017 iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
24 Februari 2017